

SUKAN



**MALAYSIA
HEBAT
DALAM
OLAH RAGA**
»34

SEBENARNYA.MY
Tidak Pasti Jangan Kongsi

Portal **sebenarnya.my**
dibangunkan oleh MCMC untuk
orang ramai menyemak kesahihan
berita yang diterima dalam talian

Jun Hoong menangis, terkejut lakar sejarah dalam sukan terjun tanah air

'Oh Tuhan, saya juara dunia'

Oleh **NOR AZAN FITRI
AHMAD HIDZIR**
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 JULAI

CHEONG JUN HOONG terkejut, menangis, berpelukan sesama rakan penerjun sebelum mencari jurulatihnya. Yang Zhuliang sejurus disahkan sebagai juara dunia tidak diduga dalam acara 10 meter platform individu wanita pada Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, hari ini.

Atlet kelahiran Batu Gajah, Perak itu bukan sahaja memahat sejarah sukan tanah air apabila muncul penerjun pertama memenangi emas Kejohanan Dunia, malah mengetepikan dua calon pilihan dari China iaitu juara 2013, Si Yajie dan rakan senegarannya yang juga juara Olimpik, Ren Qian.

"Oh Tuhan, saya juara dunia! Ia umpama mimpi menjadi

kenyataan.

"Ini pingat emas pertama buat Malaysia dalam Kejohanan Dunia dan ia amat tidak diduga serta sukar dipercayai.

"Saya mengharapkan pingat tetapi saya tidak menjangka mampu mengalahkan penerjun China.

"Saya hanya fokus kepada diri sendiri dan hanya melihat papan markah selepas Yajie melengkapkan terjunan terakhirnya, dan ketika itu barulah saya tahu saya sudah menang," kata Jun Hoong kepada pemberita.

Jun Hoong, 27, mempamerkan terjunan konsisten untuk mengumpul 397.50 mata, hanya 1.5 mata dibezakan dengan Yajie. Qian sekadar berpuas hati membawa

pulang gangsa menerusi 391.95 mata.

Seorang lagi penerjun negara yang juga pasangan Jun Hoong ketika meraih pingat gangsa 10m platform seirama, Ahad lalu iaitu Pandelega Rinong menamatkan saingan di tangga kesembilan dengan 322.40 mata.

Kejayaan Jun Hoong, yang turut meraih pingat perak Sukan Olimpik bersama Pandelega dalam 10m platform seirama, tahun lalu bukan sahaja mengejutkan dirinya,

malah turut mengejutkan Yajie, yang mengakui tidak pernah menyangka penerjun Malaysia akan memenangi acara berkenaan.

"Kemenangan Cheong (Jun Hoong) agak mengejutkan saya, apa pun tahniah diucapkan kepadanya," kata Yajie, yang telah memenangi tiga kejuaraan dunia pada usia 18 tahun.

Atlet wanita China telah menguasai acara terjun pada Kejohanan Dunia sejak ia

diperkenalkan di Madrid pada 1986 apabila memenangi tujuh daripada 12 emas dalam saingan 10m platform wanita.

Ini kali kedua berturut-turut mereka gagal membawa pulang emas acara berkenaan selepas penerjun Korea Utara, Kim Kuk-hyang muncul juara di Kazan, dua tahun lalu.

Kuk-hyang bagaimanapun hanya mampu menduduki tangga keempat di Budapest.



AKSI Cheong Jun Hoong ketika melakukan terjunan dalam final 10m platform individu Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary, semalam. - AFP



CHEONG JUN HOONG memeluk jurulatihnya, Yang Zhuliang sejurus selepas dinobatkan sebagai juara 10m platform dunia di Duna Arena, Budapest semalam. - AP

CHEONG **JUN HOONG**

TARIKH LAHIR 16 April 1990
TEMPAT LAHIR Batu Gajah, Perak

TINGGI 1.53m
BERAT 46kg
SUKAN Terjun (10m platform, 10m platform seirama (bersama Pandelega Rinong), 3m papan anjal)

PENCAPAIAN

- **EMAS** 10m platform Kejohanan Akuatik Dunia 2017
- **GANGSA** 10m platform seirama Kejohanan Akuatik Dunia 2017
- **PERAK** 10m platform seirama Kejohanan Siri Dunia Beijing 2017
- **PERAK** 10m platform seirama Sukan Olimpik Rio 2016
- **PERAK** 10m platform seirama Kejohanan Siri Dunia Beijing 2015
- **PERAK** 10m platform seirama Kejohanan Siri Dunia London 2015
- **GANGSA** 3m papan anjal seirama Kejohanan Siri Dunia Moscow 2014
- **PERAK** 10m platform seirama Kejohanan Siri Dunia Monterey 2014
- **GANGSA** 3m papan anjal seirama Kejohanan Siri Dunia Edinburgh 2013
- **GANGSA** 3m papan anjal seirama Kejohanan Siri Dunia Moscow 2013
- **GANGSA** 3m papan anjal seirama Kejohanan Siri Dunia Guadalajara 2013